



مجلس بنداراي قتالغ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (7)

Tarikh: 1 Februari 2025

MBPJ SUMBANG BAUCAR BELI KEPERLUAN SEKOLAH KEPADA 100 KELUARGA B40.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) kekal komited dalam usaha memperkasa kebajikan sosial menerusi **Program Sumbangan Baucar Beli Belah Jom Kembali Ke Sekolah 2025** yang berlangsung di Pasar Raya Mydin USJ, Subang Jaya hari ini.

Inisiatif tahunan ini bertujuan meringankan beban keluarga kurang berkemampuan dalam membuat persiapan menghadapi sesi persekolahan yang bakal tiba. Seramai 100 keluarga daripada golongan B40 yang berdaftar di bawah eKasih menerima **baucar bernilai RM300** bagi pembelian kelengkapan sekolah.

Menurut Datuk Bandar Petaling Jaya, YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, jumlah penerima bantuan pada tahun ini telah meningkat kepada 100 orang berbanding tahun sebelumnya yang hanya melibatkan 60 keluarga.

"Sumbangan ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial MBPJ dalam membantu meringankan beban keluarga kurang berkemampuan, khususnya mereka yang mempunyai ramai anak bersekolah. Kami berharap inisiatif ini dapat memastikan anak-anak mereka mendapat keperluan pendidikan yang mencukupi," katanya.

Penganjuran program ini juga diharap dapat membentuk modal insan cemerlang dalam bidang pendidikan dengan memastikan kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah tidak berasa terpinggir akibat kekangan kewangan.

MBPJ turut mengambil inisiatif menawarkan perkhidmatan **PJ City Bus 'Shuttle Service'** khas untuk pelajar sekolah di sepanjang **Laluan PJ01 dan PJ02**. Dua (2) buah bas disediakan dengan waktu operasi jam **6:30 pagi** dan **1:00 petang** bagi membawa pelajar pergi dan pulang dari sekolah. Selain itu, **enam (6) laluan** perkhidmatan bas percuma **PJ City Bus** turut memberi manfaat kepada pelajar sekolah di sekitar Petaling Jaya.

Program ini mencerminkan komitmen MBPJ dalam membantu golongan rentan serta menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan masyarakat sejajar dengan sasaran Kerajaan Negeri melalui **Rancangan Selangor Pertama (RS-1)** di bawah strategi kedua; *Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial*. Selain itu, ia turut menyokong agenda Bandar Mesra Kanak-Kanak dengan memastikan hak pendidikan kanak-kanak terpelihara dan dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

MBPJ akan terus memainkan peranan aktif dalam memperkasa kesejahteraan komuniti menerusi pelbagai program bantuan dan inisiatif kebajikan bagi memastikan kesejahteraan warga Petaling Jaya sentiasa terpelihara.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (8)

Tarikh: 2 Februari 2025

MBPJ BUKA KAUNTER BERGERAK EZPAY SEPANJANG FEBRUARI

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) meneruskan inisiatifnya bagi edisi tahun ini dengan membuka **kaunter bergerak Ezpay** sepanjang **Februari** ini sempena **Musim Pembayaran Cukai Taksiran Penggal Pertama Tahun 2025**. Langkah ini bertujuan memudahkan urusan pembayaran cukai serta mengurangkan kesesakan di kaunter ibu pejabat, terutama pada waktu puncak.

Perkhidmatan kaunter bergerak ini memberikan kemudahan kepada orang awam untuk membuat pembayaran di lokasi berhampiran tanpa perlu ke Ibu Pejabat. Tambahan pula, transaksi boleh dilakukan di luar waktu pejabat menjadikannya lebih fleksibel dan mesra pengguna.

Maklumat mengenai lokasi dan masa kaunter bergerak EZPay sepanjang bulan Februari adalah seperti berikut:

TARIKH	MASA	LOKASI	NOTA
8 – 9 Februari (Sabtu - Ahad) <i>*Kempen</i>	10.00 Pagi – 2.00 Petang	Dataran Pelangi Utama, Jalan Masjid	Berhadapan KK Super Mart, PJU 6A
15 - 16 Februari (Sabtu - Ahad)		Jalan Cempaka SD 12/1	Berhampiran McDonald's Bandar Sri Damansara
22 -23 Februari (Sabtu - Ahad) <i>*Kempen</i>		Jalan SS 25/4	Berhadapan Balai Raya Tamera, SS 25
27 - 28 Februari (Sabtu - Ahad)	9.00 Pagi – 12.00 Tengah hari	Jalan Dagang SD 2/1G	Berhadapan Kedai Tayar STH Auto Services Centre

Selain itu, MBPJ turut memanjangkan waktu operasi kaunter pembayaran di Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan dengan pembukaan khas pada setiap hari **Sabtu** sepanjang bulan Februari, dari jam **9.00 pagi hingga 2.00 petang**.



Bagi meningkatkan kemudahan kepada warga Petaling Jaya, MBPJ menggalakkan orang awam untuk membuat **semakan** menerusi pautan **<https://ecukai.mbpj.gov.my/mbpjесalinanbil>** atau menghubungi **Jabatan Perbendaharaan di talian 03-79563544 sambungan 102, 103, 108 dan 109**. Sebagai alternatif, orang awam juga boleh membuat **bayaran secara atas talian** menggunakan **aplikasi ePay@MBPJ**.

Sebarang maklumat lanjut boleh didapati di laman sesawang rasmi **www.mbpj.gov.my** atau melalui platform media sosial rasmi MBPJ.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (9)

Tarikh: 5 Februari 2025

MBPJ ANJUR MAJLIS TAKLIMAT, CABUTAN UNDI DAN PENYERAHAN PERMIT, APRON DAN TOPI BAZAR RAMADHAN “BAHAGIA DAN LESTARI” 2025

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus mengorak langkah dalam memperkasa perniagaan tempatan dengan menyediakan **18 lokasi Bazar Ramadhan** melibatkan **1,260 petak jualan** yang disusun mengikut zon tahun ini. **Majlis Taklimat, Cabutan Undi dan Penyerahan Permit, Apron dan Topi Bazar Ramadhan “Bahagia dan Lestari” 2025** diadakan pada **5 Februari 2025** bertempat di **Dewan Banquet, MBPJ**.

Bertemakan “**Bahagia dan Lestari**”, MBPJ komited memastikan pengalaman yang lebih selesa, kondusif dan lestari buat semua. Dari aspek **Bahagia**, pengasingan petak jualan diperkenalkan bagi memberikan keselesaan kepada pengunjung. Transaksi tanpa tunai (*cashless*) diwajibkan kepada semua usahawan mikro bagi meningkatkan keselamatan dan kemudahan urusan jual beli. MBPJ juga menggalakkan penglibatan usahawan mikro dalam **gig economy** melalui platform digital seperti PLATS, GrabFood, ShopeeFood dan FoodPanda bagi memperluaskan pasaran dan akses pelanggan.

Dari aspek **Lestari**, MBPJ bekerjasama dengan **Eco Lestari** bagi mengurangkan pembaziran dan meningkatkan kadar kitar semula. Program seperti **Pengasingan Sisa** dan **Pocket Program** diperkenalkan bagi menggalakkan inisiatif mesra alam manakala ganjaran akan diberikan kepada usahawan yang mengamalkan amalan perniagaan lestari.

Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, YBrs. Tuan Aznan bin Hj. Hassan dalam ucapannya menegaskan bahawa MBPJ akan meneruskan dasar mewajibkan transaksi tanpa tunai di semua Bazar Ramadhan 2025. Langkah ini sejajar dengan hala tuju yang digariskan dalam **Belanjawan Selangor 2025** yang memberi penekanan kepada pemerikasaan teknologi termasuk **Artificial Intelligence (AI)** serta pembangunan modal insan sebagai pemacu utama kemajuan ekonomi negeri.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Di samping itu, MBPJ turut merangka beberapa inisiatif utama seperti **Bakul Bahagiannya Ramadhan @ PJ 2025**, yang akan mengedarkan lebih makanan dari bazar kepada golongan memerlukan dengan kerjasama pengusaha hotel dan syarikat korporat. **Program Kitar Semula Minyak Masak** pula diteruskan selepas kejayaan mengumpul 2.5 tan minyak terpakai di 22 lokasi bazar pada 2024. **Kempen Bebas Beg Plastik** diperkenalkan dengan peruntukan berjumlah RM30,000, menawarkan **kupon digital bernilai RM15** kepada pengunjung yang menggunakan beg kitar semula di 12 lokasi Bazar Ramadhan terpilih. Kupon digital ini boleh ditebus di semua gerai Bazar Ramadhan di Petaling Jaya.

Sebagai penghargaan, **Anugerah Usahawan Mikro 'Bahagia & Lestari' 2025** akan diberikan kepada **20 usahawan terbaik** yang bukan sahaja menerima ganjaran wang tunai RM500, malah diberikan keistimewaan memilih petak perniagaan bagi Bazar Ramadhan 2026.

Usaha ini adalah sebahagian daripada **Pelan Strategik Pembangunan Usahawan 2021-2030**, yang menyokong visi **PJ Smart, Sustainable & Resilient 2030 (PJSSR 2030)** dalam merealisasikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar yang pintar, mampan dan berdaya tahan.

Hampir 100 orang petugas akan ditugaskan bagi memastikan kelancaran operasi Bazar Ramadhan tahun ini, termasuk pemantauan kebersihan, keselamatan dan pematuhan garis panduan yang ditetapkan.

MBPJ berharap inisiatif ini bukan sahaja memperkasakan komuniti setempat, malah memperkukuh ekosistem perniagaan tempatan ke arah yang lebih progresif dan mampan. Dengan sokongan berterusan daripada semua pihak termasuk peniaga, pengunjung dan rakan strategik, MBPJ yakin Bazar Ramadhan 2025 dapat menjadi platform perniagaan yang lebih inklusif, inovatif, selamat dan mesra alam.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (10)

Tarikh: 7 Februari 2025

MBPJ RAI KEPELBAGAIAN DAN MEMUPUK PERPADUAN MELALUI PENGANJURAN MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA 2025

Petaling Jaya, sebuah bandar raya maju dengan status **Bandar Paling Bahagia dan Mampan** terus berkembang sebagai simbol keharmonian dan kesejahteraan untuk semua. Sebagai bukti komitmen dalam meraikan kepelbagaian budaya serta memperkukuh perpaduan nasional, **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** meneruskan tradisi penganjuran **Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina 2025**, acara penuh kemeriahan yang menghimpunkan warga Petaling Jaya di **Jalan Tengah dan Dataran Boulevard, Seksyen 52** hari ini.

Tahun Baharu Cina merupakan antara perayaan terbesar di Malaysia yang diraikan oleh masyarakat berbilang kaum selain Hari Raya Aidilfitri, Deepavali dan Krismas. Penganjuran majlis sambutan ini bukan sekadar menghidupkan warisan budaya masyarakat Cina, malah berperanan sebagai platform mempererat hubungan antara pemimpin dan masyarakat, memperkukuh keharmonian serta menyemarakkan semangat muhibah yang menjadi kebanggaan negara.

Seiring dengan **Pelan Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan (PJSSR) 2030**, MBPJ menekankan kepentingan budaya sebagai elemen utama dalam pembangunan bandar raya. Petaling Jaya bukan sahaja berkembang sebagai hab ekonomi dan pusat kemajuan tetapi juga destinasi warisan seni, adat dan budaya yang berpotensi menjadi tarikan pelancongan.

Bersempena dengan **Tahun Melawat Selangor 2025**, MBPJ turut memainkan peranannya dalam memperkaya pengalaman pelancongan dengan menampilkan keunikan budaya setempat sebagai aset pelancongan utama. Penganjuran acara berskala besar seumpama ini bukan sahaja mencerminkan kepelbagaian warisan budaya yang wujud, malah berpotensi menarik pelancong domestik dan antarabangsa untuk merasai sendiri keunikan Petaling Jaya, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah bandar raya bertaraf dunia.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](#)

Sambutan kali ini menampilkan pelbagai persembahan kebudayaan yang penuh warna-warni antaranya **tarian singa** dan **naga**, **persembahan orkestra Cina**, **nyanyian**, **buskers** serta **persembahan harmonika**. Selain itu, acara tradisi seperti **cabutan bertuah** dan **pemberian 400 'angpau'** kepada kanak-kanak dan warga emas turut menambahkan lagi kemeriahan majlis.

Para pengunjung juga berpeluang menikmati pelbagai sajian makanan tempatan daripada **sembilan (9) gerai** yang menawarkan hidangan istimewa seperti **nasi ayam**, **char kuey teow**, **pau**, **apam balik** dan **kuih nyonya**. MBPJ telah menyediakan jamuan untuk **1,000 tetamu** bagi memastikan semua yang hadir dapat berkongsi kegembiraan perayaan ini.

Sebagai simbolik perasmian, acara **menggaul Yee Sang** dan **Kaligrafi Cina** telah disempurnakan oleh **YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya** yang melambangkan kemakmuran, tuah dan kebahagiaan bersama.

MBPJ amat menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam setiap inisiatif yang memperkukuh perpaduan, menyemai keharmonian dan mempererat hubungan antara komuniti demi kesejahteraan bersama.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بڼداراي ڦتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (11)

Tarikh: 10 Februari 2025

MBPJ PERKASA EKONOMI PENJAGAAN PETALING JAYA MENUJU KE ARAH BANDAR RAYA INKLUSIF

Sebagai langkah proaktif memperkuat ekosistem ekonomi penjagaan di peringkat bandar raya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan sokongan Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Ekonomi Penjagaan (Care Economy) menganjurkan **Bengkel Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan Petaling Jaya 2025–2030** hari ini di Dewan Banquet, MBPJ.

Bengkel ini menghimpunkan peserta yang terdiri daripada **pengusaha taska, pusat jagaan kanak-kanak dan Orang Kurang Upaya (OKU), rumah orang tua di Petaling Jaya, serta wakil agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), sektor swasta, syarikat korporat, Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan jabatan teknikal Majlis**. Inisiatif strategik ini bertujuan menyokong pelaksanaan **Dasar Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor (DEPNS) 2024–2030** yang menekankan pembangunan ekosistem penjagaan yang inklusif, mampan dan responsif terhadap keperluan masyarakat. Dasar ini memberi tumpuan kepada **kesejahteraan kanak-kanak, warga emas dan OKU** melalui penyediaan perkhidmatan penjagaan yang berkualiti, selamat, serta mudah diakses.

KEPERLUAN MENDESAK EKONOMI PENJAGAAN

Malaysia kini sedang berdepan peralihan demografi ke arah masyarakat berusia, yang meningkatkan keperluan perkhidmatan penjagaan. Majoriti kerja penjagaan masih dilakukan secara tidak berbayar oleh wanita, menjadikan ekonomi penjagaan satu keperluan kritikal dalam menjamin kesejahteraan sosial dan ekonomi negara.

Menurut kajian **Institute of Strategic & International Studies (ISIS) Malaysia**, nilai kerja penjagaan tidak berbayar dianggarkan berjumlah **RM379 bilion**, iaitu sekitar satu perlima daripada sektor perkhidmatan negara. Namun, sistem ekonomi penjagaan di Malaysia masih berdepan cabaran seperti:

- Kebergantungan tinggi terhadap penjagaan tidak formal dengan sokongan terhad kepada penjaga;
- Ketiadaan aspek penjagaan sosial dalam rangka kerja perlindungan sosial negara;
- Kekurangan perkhidmatan penjagaan berkualiti yang menepati keperluan masyarakat;



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

- Perundangan yang belum mencukupi untuk mengawal selia sektor penjagaan dan tenaga kerja;
- Persepsi bahawa penjagaan adalah tanggungjawab wanita semata-mata.

Sebagai sebuah bandar raya utama di Selangor, MBPJ komited untuk melaksanakan **Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan Petaling Jaya 2025–2030** secara lebih sistematik dan berimpak tinggi. Antara langkah utama yang akan diambil termasuk:

- **Menambah baik garis panduan** bagi memudahcara permohonan dan kelulusan perkhidmatan penjagaan;
- **Merangka program dan inisiatif** untuk menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor penjagaan;
- **Memperkasa tenaga kerja penjagaan** melalui latihan dan program sokongan bersesuaian.

Ketika ini, terdapat **147 taska, 108 pusat jagaan kanak-kanak, kebajikan dan OKU, serta 70 rumah orang tua** yang beroperasi di Petaling Jaya. Namun, masih terdapat sebahagian daripadanya yang belum memperoleh kelulusan. MBPJ akan terus bekerjasama dengan agensi berkaitan bagi meningkatkan tahap pematuhan dan memperluaskan akses kepada perkhidmatan penjagaan berkualiti.

PETALING JAYA KE ARAH BANDAR RAYA MESRA WARGA EMAS DAN KANAK-KANAK

Pelan tindakan ini juga seiring dengan **Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030** dan **Pelan Tindakan Bandar Raya Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya 2030**. Antara fokus utama termasuk:

- **Mewujudkan persekitaran mesra warga emas** melalui program kesihatan dan kesejahteraan yang menyeluruh;
- **Menyediakan pusat jagaan kanak-kanak berkualiti** dan membangunkan taman permainan yang selamat serta inklusif.

Datuk Bandar Petaling Jaya, YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, menegaskan bahawa ekonomi penjagaan bukan sekadar tanggungjawab sosial, tetapi juga elemen penting dalam pembangunan ekonomi bandar raya.

“Ekonomi penjagaan bukan lagi isu sampingan, tetapi satu keperluan utama yang perlu ditangani secara serius. MBPJ beriltizam memastikan setiap lapisan masyarakat di Petaling Jaya mendapat akses kepada perkhidmatan penjagaan yang berkualiti dan selamat. Melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan ini, kita dapat membina sebuah bandar raya yang lebih inklusif dan mampan untuk semua,” katanya.

Untuk makluman, Negeri Selangor merupakan **negeri pertama di Malaysia yang menggubal dan melaksanakan dasar berkenaan ekonomi penjagaan** menjadikannya peneraju dalam usaha memperkasa sektor ini. **DEPNS 2024–2030** yang telah dilancarkan oleh **YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor** pada **27 November 2024** menetapkan hala tuju strategik bagi membangun ekosistem penjagaan yang lebih tersusun, inklusif dan berdaya tahan.

Dasar ini berpaksikan **lima (5) teras utama** yang menjadi tunjang dalam usaha memperkukuh sektor ekonomi penjagaan di Selangor iaitu:

Teras 1 : Advokasi dan Promosi

Teras 2 : Tatakelola dan Kawal Selia

Teras 3 : Penjaga Terlatih dan Tenaga Kerja

Teras 4 : Pelaburan dan Kerjasama

Teras 5 : Inovasi, Teknologi dan Data.

Melalui sinergi antara kerajaan, sektor swasta, NGO dan masyarakat, MBPJ yakin bahawa ekosistem ekonomi penjagaan yang mampan dan inklusif dapat direalisasikan di Petaling Jaya, sekali gus menjadikan bandar raya ini sebagai model dalam penyediaan perkhidmatan penjagaan berkualiti untuk kesejahteraan setiap lapisan masyarakat.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](#), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بڼداراي ڤتالينڟ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (12)

Tarikh: 10 Februari 2025

MBPJ TERUS JALIN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN SOH WAI CHING DALAM SUKAN LARIAN MENARA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini memeterai **Memorandum Persefahaman (MoU) dengan atlet larian menara negara, Soh Wai Ching** dalam satu majlis yang berlangsung di **Bilik Gerakan, Ibu Pejabat MBPJ** bagi mempromosi bandar raya ini kepada masyarakat dunia.

Melalui perjanjian ini, MBPJ memberikan tajaan sejumlah **RM75,000** kepada Soh Wai Ching bagi meneruskan penyertaan di peringkat antarabangsa serta menyokong misi beliau untuk merampas semula ranking nombor satu dunia pada tahun 2025. Tajaan ini diharap dapat membantu beliau mencapai kejuaraan serta mengharumkan nama Malaysia, khususnya bandar raya Petaling Jaya di pentas dunia.

Tujuan MoU diadakan adalah **untuk mempromosikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan** dan pada masa sama menjadikan bandar raya Petaling Jaya sebagai sebuah **destinasi pelancongan** yang boleh dilawati oleh pengunjung seluruh dunia yang menyediakan lokasi-lokasi pelancongan menarik, kepelbagaian jenis makanan dan kemudahan-kemudahan lain kepada pengunjung sempena **Tahun Melawat Selangor 2025**.

MoU yang dimeterai menetapkan syarat dan terma bersama termasuk kewajipan untuk sentiasa mengenakan baju atau jersi berlogo MBPJ dalam setiap pertandingan larian menara serta sesi temu ramah, sama ada di dalam atau di luar negara.

Selain itu, Soh Wai Ching akan membawa bendera MBPJ serta memaparkan slogan **"Petaling Jaya Love You"** dalam setiap sesi penyampaian hadiah selepas pertandingan dan di setiap ceramah kepada mana-mana pihak. Beliau juga akan menghadiri serta menyampaikan tiga (3) sesi ceramah motivasi anjuran MBPJ di sekolah sekitar Petaling Jaya. Sebagai duta rasmi MBPJ, beliau bertanggungjawab untuk sentiasa mempromosikan MBPJ kepada orang ramai serta memberi keutamaan kepada MBPJ dalam penyiaran setiap aktiviti tajaan di semua platform media sosial.

Sebagai sebahagian daripada usaha memartabatkan sukan larian menara, MBPJ turut menetapkan Petaling Jaya sebagai pusat latihan larian menara yang ulung untuk melatih anak-anak muda Petaling Jaya menceburi bidang ini seterusnya melahirkan ramai atlet jaguh larian menara.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Terdahulu, pada **28 Februari 2024**, MBPJ telah menandatangani perjanjian penajaan bernilai **RM75,000** dengan Soh Wai Ching bagi menyokong penyertaannya dalam kejohanan larian menara di seluruh dunia dari **1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024**. Sepanjang tempoh tersebut, beliau telah menyertai sebanyak **38 kejohanan** dunia dan tempatan dengan pencapaian membanggakan **37 kemenangan podium**.

Atlet kelahiran Selayang itu memahat nama sebagai juara dunia selepas berjaya menawan puncak Taipei 101 di Taiwan sebagai juara Kejohanan Larian Menara Dunia pada Mei, selain mendominasi kategori lelaki terbuka Larian Menara Naza 2024.

Beliau turut mempertahankan kejuaraan buat tahun ketiga berturut-turut pada perlumbaan menaiki anak tangga bangunan menara Scale the Strat di Las Vegas, Nevada, Amerika Syarikat (AS) pada Februari tahun lalu.

Selepas ini, Soh Wai Ching akan menyertai beberapa kejohanan larian menara dalam dan juga luar negara antaranya:

- a) 16 Februari - *Twin 21 MID Tower Japan Stair Climbing Championship*, MID Tower (Osaka, Jepun);
- b) 30 Mac - *Tower 4 Change* (Melbourne, Australia);
- c) 12 April - *Bieg Na Szczyt - 200 Points*, Rondo 1 (Warsaw, Poland);
- d) 3 Mei - *Taipei 101 Vertical Marathon - 200 Points* (Taipei 101, Taiwan);
- e) 28 Oktober - *Empire State Building Run Up*, New York, Amerika Syarikat;
- f) 23 November - *Shanghai Tower International Vertical Marathon - Towerrunning Tour Final 240 Points*, Shanghai Tower (Shanghai, China) dan lain-lain pertandingan.

Diharapkan kerjasama ini akan menjadi pemangkin semangat baharu bagi Soh Wai Ching untuk terus mencipta lebih banyak kejayaan gemilang pada masa akan datang, sekali gus mengharumkan nama MBPJ di persada dunia.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](#), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. **Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (13)**

Tarikh: 14 Februari 2025

PESTA PONGGAL MBPJ MEMARTABAT WARISAN, MEMPERKUKUH PERPADUAN

Sambutan **Pesta Ponggal Bersama Warga Kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Tahun 2025** telah berlangsung dengan penuh kegembiraan dan semangat kebersamaan di **Dataran Boulevard, Seksyen 52, Petaling Jaya** hari ini. Acara yang julung kali diadakan ini berjaya menghimpunkan **150 warga kerja MBPJ** mencipta suasana yang harmoni serta mengeratkan hubungan dalam komuniti.

Pesta Ponggal, yang juga dikenali sebagai **pesta menuai padi** merupakan perayaan penting bagi masyarakat Hindu dan diraikan setiap tahun pada bulan Januari, yang dikenali sebagai **bulan Thai Massam** dalam kalendar Tamil. Lebih daripada sekadar perayaan, ia melambangkan **penghargaan terhadap petani** yang berperanan besar dalam menyediakan sumber makanan untuk masyarakat.

Di sebalik kemeriahannya, Pesta Ponggal turut membawa mesej **kesyukuran, perpaduan dan semangat gotong-royong** yang menjadi asas keharmonian dalam masyarakat. Sambutan ini memberi ruang kepada warga kerja **Petaling Jaya** yang berbilang kaum untuk memahami dan menghargai keunikan budaya rakan-rakan yang meraikan perayaan ini sekali gus memperkukuhkan **semangat perpaduan nasional**.

Sebagai penganjur, **MBPJ** berbangga meraikan **kepelbagaian budaya** yang menjadi tunjang kekuatan Malaysia. Inisiatif ini bukan sekadar usaha **memelihara warisan budaya** tetapi juga berperanan sebagai **pemangkin kepada integrasi sosial**, memperkukuhkan hubungan dalam kalangan komuniti yang berbilang kaum.

Datuk Bandar Petaling Jaya, **YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon** turut menzahirkan harapan agar sambutan ini bukan sahaja **melestarikan tradisi** tetapi juga **mengeratkan hubungan antara masyarakat pelbagai kaum**, seiring dengan **semangat perpaduan dan keharmonian** yang menjadi asas kepada keharmonian negara.

MBPJ kekal **komited** dalam menganjurkan program-program yang memupuk nilai **kebersamaan dan keharmonian sejagat** selaras dengan aspirasi membina sebuah bandar raya yang **inklusif, bahagian dan mampan**.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (14)

Tarikh: 18 Februari 2025

PJ JORAN MERIAHKAN TAHUN MELAWAT SELANGOR 2025.

Hadiah keseluruhan wang tunai berjumlah lebih RM20,000 menanti pemenang **Pertandingan Memancing Petaling Jaya Joran 2025 (PJ Joran)** yang akan berlangsung di **Taman Tasik Bandaran, Kelana Jaya** pada 23 Februari 2025 (Ahad).

Pertandingan memancing anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ini kembali untuk edisi keenam, dengan **sasaran penyertaan 600 pemancing sempena Tahun Melawat Selangor 2025**. Acara ini bukan sekadar menguji kemahiran, tetapi juga merapatkan komuniti dalam suasana penuh kemeriahan.

Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Aznan Haji Hassan, berkata pertandingan memancing ini sentiasa mendapat sambutan hangat serta dinantikan oleh peminat sukan memancing di sekitar Lembah Klang.

“Penyertaan tahun ini diharap terus meningkat berbanding tahun lalu, sekali gus memeriahkan suasana selaras dengan usaha MBPJ mempromosikan Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya sebagai destinasi riadah.

“Juara bakal membawa pulang hadiah wang tunai RM6,000 beserta piala, manakala naib juara menerima RM3,000 dan tempat ketiga sebanyak RM1,000,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurutnya, peserta yang menduduki tempat keempat hingga kelima akan menerima hadiah bernilai RM400, tempat keenam hingga ke-10 masing-masing menerima RM200, tempat ke-11 hingga ke-20 memperoleh RM150, dan tempat ke-21 hingga ke-100 membawa pulang RM100 setiap seorang.

Kali ini, semua spesies ikan dipertandingkan dan tiga tasik akan dibuka bagi memastikan kepuasan pemancing yang hadir.

“Hadiah wang tunai keseluruhan turut ditambah bagi menarik lebih ramai peserta menyertai pertandingan ini.

“Jika pada tahun 2023 ikan patin seberat 5.72 kilogram (kg) dinobatkan sebagai juara, tahun ini diharapkan ada peserta yang berjaya menaikkan ikan bersaiz lebih besar,” katanya.

Sementara itu, Tuan Aznan Haji Hassan berkata, pertandingan ini memberi peluang kepada kaki pancing untuk bertarung dengan pelbagai spesies ikan seperti patin, baung, tongsan, toman, haruan, rohu, kap, belida, keli dan tilapia.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

Katanya, acara ini juga menjadi platform untuk masyarakat sekitar Petaling Jaya, khususnya peminat sukan memancing, berkumpul di tasik tersebut.

“Hasrat MBPJ adalah untuk mempromosikan Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya sebagai destinasi riadah sekeluarga serta meningkatkan sumber pelancongan dan ekonomi setempat.

“Dengan adanya aktiviti ini, penduduk Petaling Jaya dan peminat memancing boleh berkumpul serta merancakkan peluang perniagaan setempat. Komuniti juga akan merasa lebih seronok tinggal di Petaling Jaya.

“Pertandingan ini turut bertujuan memperkenalkan taman tasik rekreasi yang boleh dimanfaatkan oleh warga Petaling Jaya dengan aktiviti sihat,” katanya.

Yuran penyertaan adalah sebanyak **RM60** untuk setiap joran. Pendaftaran boleh dilakukan pada **Sabtu depan, bermula pukul 4 petang hingga 10 malam**, serta pada **hari pertandingan** dari pukul **6.30 pagi** hingga waktu pertandingan bermula.

Sebanyak 400 helai baju-T akan diedarkan secara percuma kepada peserta terawal. Selain itu, peserta juga berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah berupa barangan elektrik dan peralatan memancing.

Acara pelepasan ikan sempena PJ Joran telah disempurnakan oleh Tuan Aznan Haji Hassan, melibatkan hampir 400 kg spesies baung bersaiz antara 1 hingga 2 kg.

Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya merupakan taman terbesar dan terkenal di Petaling Jaya. Terdapat tujuh tasik di taman ini, menjadikannya lokasi popular dengan pelbagai trek berjalan kaki di sekelilingnya.

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan PJ Joran 2025, sila hubungi urus setia di talian 013-2661077, 013-3052811, atau 012-2846811, atau layari laman sosial facebook.com/jorankl.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بڠداراي ڤتالينڠ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (15)

Tarikh: 23 Februari 2025

MBPJ ANJUR PROGRAM MESRA RAKYAT, PERKUKUH HUBUNGAN BERSAMA KOMUNITI.

Program Mesra Rakyat Dewan Negeri (DN) Taman Medan anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Ahli Majlis Zon 17 dan Penyelaras DN Taman Medan telah berlangsung dengan penuh meriah di Dataran Anak Muda, PJS 1/25, Petaling Jaya hari ini.

Penganjuran program yang bermula seawal jam 8.00 pagi dimulakan dengan aktiviti 'Treasure Hunt' adalah seiring dengan matlamat nasional Malaysia Madani yang memberi penekanan kepada keterangkuman dan kesaksamaan dalam kalangan lapisan masyarakat majmuk khususnya di Petaling Jaya melalui penganjuran aktiviti yang sihat dan bermanfaat kepada komuniti dengan penglibatan rakan strategik.

Sebagai platform mendekati rakyat, Program Mesra Rakyat ini turut memberi pendedahan dan maklumat kepada komuniti setempat berkaitan inisiatif, program serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh Majlis dan Kerajaan Negeri Selangor menerusi aktiviti pameran yang disediakan.

Lebih daripada sekadar sebuah acara kemasyarakatan, program ini menjadi wadah memperkukuh hubungan dua hala antara pemimpin masyarakat, penduduk setempat dan Majlis. Inisiatif ini mencerminkan komitmen MBPJ dalam memberikan perkhidmatan terbaik serta menzahirkan visinya untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan melalui PJSSR2030 di bawah tematik 'Inclusive City' yang mengutamakan keperluan dan penyertaan semua lapisan masyarakat.

Antara pengisian lain Program Mesra Rakyat kali ini termasuk pemeriksaan kesihatan, pameran agensi luar, kaunter perkhidmatan MBPJ, pertandingan mewarna (kategori 5-6 tahun, 7-9 tahun dan 10-12 tahun), pertandingan *street soccer 3 on 3* remaja lelaki, bola jaring *3 on 3* remaja perempuan, sukaneka, cabutan bertuah dan lain-lain aktiviti antaranya seperti *fun games*, kuiz interaktif dan Jualan Ehsan Rahmah (JER) oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Lebih menarik, orang ramai juga berpeluang untuk mendapatkan servis penukaran minyak hitam motosikal secara percuma dan menjual minyak masak terpakai pada harga RM2.50 per kilogram menerusi inisiatif lestari yang diperkenalkan.

Sebagai tanda prihatin menjelang ketibaan bulan Ramadan, Pejabat Penyelaras DUN Taman Medan turut menyampaikan sumbangan Ihya' Ramadan berjumlah RM1,000 kepada tiga (3) masjid dan dua (2) surau Jumaat, serta sumbangan bernilai RM2,000 kepada 12 surau di kawasan sekitar.

Sesi perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Aznan bin Hj. Hassan, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya. Turut hadir YBrs. Tuan Halimey bin Abu Bakar, Penyelaran DN Taman Medan, Puan Norah binti Mansor, Ahli Majlis Zon 17 dan Tuan Mohd Lathfi bin Rohman, Ketua Agensi Anti Dadah Daerah (AADK) Petaling.

MBPJ kekal teguh dalam usahanya memperkukuh komuniti dan memacu pembangunan bandar raya menuju persekitaran yang lebih progresif, mampan dan inklusif menjelang tahun 2030, selari dengan aspirasi Malaysia Madani.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري فتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (16)

Tarikh: 23 Februari 2025

MBPJ ANJUR PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA PPR LEMBAH SUBANG 1, KOMITED MEWUJUDKAN PERSEKITARAN BERSIH DAN SEJAHTERA.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Persatuan Penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 telah menyahut seruan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan menganjurkan Program Gotong-Royong Perdana PPR Lembah Subang 1 yang berlangsung di Padang Blok A, B, dan C, PPR Lembah Subang 1 hari ini.

Program gotong-royong edisi pertama bagi tahun 2025 yang bermula pada jam 9.00 pagi ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran tempat tinggal yang lebih bersih, selesa dan lestari bagi penduduk setempat. Inisiatif ini juga sejajar dengan aspirasi Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang bahagia dan mampan. Selain itu, program ini merupakan tindakan susulan daripada lawatan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke kawasan perumahan ini pada 13 Februari lalu yang menekankan keperluan untuk meningkatkan kualiti kehidupan penduduk PPR.

Gotong-royong ini bukan sekadar aktiviti kebersihan, malah ia berperanan sebagai platform penting dalam mengeratkan hubungan antara penduduk setempat, pemimpin masyarakat serta Pihak Berkuasa Tempatan. Usaha ini juga mencerminkan komitmen MBPJ dalam memberikan khidmat sosial terbaik kepada komuniti di bawah pentadbirannya sekali gus mengukuhkan imej bandar raya sebagai Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan selari dengan aspirasi PJSSR 2030 di bawah tema 'Inclusive City' yang menitikberatkan keperluan serta penglibatan semua lapisan masyarakat.

Dalam semangat gotong-royong ini, MBPJ amat berbesar hati untuk bersama-sama menggembelng tenaga bagi menceriakan kawasan perumahan ini terutama dalam menyambut ketibaan bulan Ramadan yang bakal menjelang.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

MBPJ turut menyediakan peralatan dan perkakas pembersihan termasuk mesin air tekanan tinggi (water jet) serta lori Roll-On Roll-Off (RORO) bagi memastikan kerja-kerja pembersihan dapat dijalankan dengan lebih efektif.

Program ini turut mendapat sokongan dan penyertaan daripada pelbagai pihak termasuk Persatuan Penduduk PPR Lembah Subang 1, Pengurusan KPKT PPR Lembah Subang 1, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri, KDEB Waste Management (KDEBWM) serta jabatan dalaman MBPJ. Penyertaan aktif semua pihak jelas mencerminkan semangat kebersamaan dan kesedaran tinggi terhadap kepentingan kebersihan serta kesejahteraan persekitaran.

Berdasarkan statistik Jabatan Kesihatan dan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling, PPR Lembah Subang 1 merupakan salah satu kawasan 'hotspot' denggi berulang. Oleh itu, pelaksanaan program ini diharapkan dapat membantu membendung penularan wabak denggi dengan lebih berkesan sekali gus memastikan kesihatan dan kesejahteraan penduduk terpelihara.

MBPJ optimis bahawa usaha ini mampu merealisasikan hasrat YAB Perdana Menteri untuk menjadikan PPR Lembah Subang 1 sebagai model perumahan rakyat yang unggul bagi golongan berpendapatan rendah (B40) dan sebagai contoh terbaik kepada projek perumahan rakyat lain di seluruh negara. MBPJ berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan secara berkala bagi memastikan persekitaran perumahan yang lebih selamat, bersih dan sejahtera untuk semua.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (17)

Tarikh: 25 Februari 2025

MAJLIS ANUGERAH MBPJ 2025: MENGIKTIRAF DEDIKASI RAKAN MEDIA.

KUALA LUMPUR, 24 Februari 2025 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sekali lagi mengiktiraf peranan penting media dalam penyebaran maklumat berkualiti menerusi penganjuran **Majlis Anugerah MBPJ 2025** yang berlangsung di M Resort & Hotel, Kuala Lumpur pada semalam.

Majlis telah disempurnakan oleh **YBrs. Tuan Haji Mohamad Zahri bin Haji Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya**. Majlis ini merupakan inisiatif Unit Komunikasi Korporat MBPJ bagi menghargai dedikasi pengamal media dalam menyokong serta mempromosikan perkhidmatan dan agenda utama MBPJ kepada masyarakat dan pemegang taruh. Kali terakhir majlis ini dianjurkan adalah pada tahun 2019 sekali gus menjadikan edisi kali ini lebih bermakna selepas tempoh lima tahun.

Hampir **100 penyertaan** telah diterima bagi anugerah tahun ini, melibatkan hasil karya yang telah disiarkan antara 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024. Sebanyak **lapan (8) kategori utama** telah dipertandingkan iaitu:

- **Anugerah Penerbitan Artikel Terbaik (Akhbar Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil)**
- **Anugerah Kewartawanan Foto Terbaik**
- **Anugerah Videografi Terbaik**
- **Anugerah Penghargaan Media Hiburan**
- **Anugerah Penghargaan Media Sukan**
- **Anugerah Liputan Media Terbaik (Kategori Media Cetak, Televisyen, Radio & Media Digital)**
- **Anugerah Khas Datuk Bandar**
- **Anugerah Khas Jabatan**

Untuk makluman, penganjuran anugerah tahun ini turut memperkenalkan kategori baharu iaitu **Anugerah Khas Datuk Bandar** dan **Anugerah Khas Jabatan**. Anugerah Khas Datuk Bandar diberikan sebagai penghargaan kepada wartawan yang komited dan berdedikasi dalam memperluaskan liputan mengenai Majlis dengan kandungan berimpak tinggi serta mempunyai nilai publisiti (PR value) yang signifikan dalam meningkatkan reputasi MBPJ.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Sementara itu, Anugerah Khas Jabatan mengiktiraf jabatan dalaman MBPJ yang aktif dalam penyebaran maklumat di media sosial. Penilaian pemenang turut mengambil kira inisiatif jabatan dalam memperluaskan capaian komunikasi melalui pelbagai platform termasuk Instagram dan TikTok.

Media: Rakan Strategik Jangka Panjang

Dalam ucapannya, YBrs. Datuk Bandar menegaskan bahawa media memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat berkaitan pembangunan dan hala tuju MBPJ kepada rakyat.

"Media adalah wahana penting dalam memastikan masyarakat mendapat informasi tepat dan pantas mengenai inisiatif serta perancangan bandaraya. Liputan berkualiti amat diperlukan dalam membentuk kesedaran serta kefahaman masyarakat terhadap pembangunan di Petaling Jaya," katanya.

Beliau turut menambah bahawa Majlis Anugerah MBPJ 2025 bukan sekadar platform untuk memberi penghargaan tetapi juga sebagai medan memperkukuh hubungan silaturahim antara MBPJ dan media.

"Majlis ini memberi ruang untuk kita saling mengenali, bertukar pandangan serta merangka strategi komunikasi yang lebih efektif dalam menghadapi cabaran semasa," tambah beliau.

MBPJ berharap penganjuran anugerah ini akan terus memberi inspirasi kepada para pengamal media untuk terus menghasilkan liputan berkualiti tinggi yang bukan sahaja memaparkan usaha pembangunan bandar raya tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan penduduk Petaling Jaya secara keseluruhannya.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582697



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (18)

Tarikh: 26 Februari 2025

MBPJ SANTUNI WARGA EMAS DAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) MENJELANG RAMADHAN.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menerusi Jabatan Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan Majlis Penyampaian Sumbangan Tautan Kasih bagi menyantuni golongan warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) sempena menyambut ketibaan bulan Ramadhan 1446 Hijrah. Majlis yang berlangsung di Dewan Banquet MBPJ ini merupakan acara tahunan yang melambangkan keprihatinan dan dedikasi MBPJ dalam membantu golongan yang memerlukan khususnya warga emas dan OKU daripada kumpulan B40.

Seramai 100 penerima yang dikenal pasti melalui pangkalan data e-Kasih di Petaling Jaya telah menerima sumbangan wang tunai sebanyak RM300 setiap seorang, dengan jumlah keseluruhan peruntukan sumbangan sebanyak RM30,000. Inisiatif ini sejajar dengan konsep Aspirasi Malaysia MADANI yang mengutamakan nilai kesejahteraan, kasih sayang serta keprihatinan dalam masyarakat sekali gus memperkukuh jaringan sokongan sosial bagi golongan rentan.

Program ini juga selaras dengan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang menjadi elemen penting dalam hala tuju pembangunan Negeri Selangor. MBPJ terus komited memastikan kesejahteraan komuniti setempat melalui pelaksanaan 10 Program Berimpak Tinggi yang memberi tumpuan kepada pembangunan sosioekonomi golongan miskin bandar serta kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Dalam ucapan perasmian, YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar MBPJ menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan program ini. Beliau berharap agar inisiatif sebegini dapat diteruskan dan diperluaskan bagi memastikan lebih ramai individu yang memerlukan dapat dibantu. Beliau turut menyeru agar semangat kebersamaan, kasih sayang dan sikap prihatin terus dipupuk dalam kalangan warga Petaling Jaya.

Penganjuran program ini bukan sahaja bertujuan meringankan beban penerima tetapi juga untuk menyemai nilai kasih sayang dan tanggungjawab sosial dalam komuniti. MBPJ juga sentiasa komited membantu golongan yang memerlukan dengan menyalurkan pelbagai bentuk bantuan lain dari semasa ke semasa termasuk sumbangan khas sempena perayaan serta program 'Back to School' yang memberi manfaat kepada pelajar kurang berkemampuan.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Diharapkan penyampaian Sumbangan Tautan Kasih MBPJ ini mampu menyinari kehidupan penerima sekali gus mengeratkan ukhuwah serta menanam rasa persaudaraan yang utuh dalam kalangan masyarakat. Didorong oleh semangat MADANI, program sebegini bukan sahaja memperkukuh nilai kesederhanaan dan kemanusiaan malah menyemarakkan budaya amal jariah sebagai asas keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Semoga Ramadhan kali ini membawa keberkatan, kesejahteraan dan rahmat kepada kita semua. Selamat menyambut Ramadhan Al-Mubarak.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بڼداراي ڦتالڱ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : **Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (19)**

Tarikh: 26 Februari 2025

PJ JORAN 2025 MERIAH, BERJAYA TARIK PENYERTAAN HAMPIR 600 PEMANCING.

Pertandingan memancing, PJ Joran 2025 berlangsung dengan penuh kemeriahan di Taman Tasik Bandaran, Kelana Jaya pada 24 Februari 2025. Acara anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang kini memasuki edisi keenam itu berjaya menarik hampir 600 penyertaan dari pelbagai negeri sekali gus menyemarakkan sambutan Tahun Melawat Selangor 2025.

Rezeki menyebelahi Mohd Farid bin Napie dari Shah Alam apabila beliau dinobatkan sebagai juara selepas berjaya menaikkan ikan patin seberat 13.305 kilogram (kg). Dengan kemenangan itu, beliau membawa pulang wang tunai RM6,000 beserta piala kemenangan.

Sementara itu, M. Dani Hakim bin Mohd Naim muncul naib juara membawa pulang RM3,000 selepas menaikkan Kap Rumpot seberat 6.895 kg. Tempat ketiga pula dimenangi oleh Siew Yew Choe yang menerima hadiah RM1,000 dengan tangkapan tongsan seberat 6.205 kg. Hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Aznan bin Haji Hassan.

Menurut beliau, pertandingan ini bukan sekadar acara sukan tetapi juga platform riadah inklusif yang menggalakkan interaksi sosial serta memperkukuh hubungan dalam komuniti. Tambah beliau, PJ Joran 2025 turut memainkan peranan dalam memperkenalkan taman tasik rekreasi sebagai lokasi riadah pilihan bagi warga Petaling Jaya serta menggalakkan aktiviti memancing secara sihat.

Selain mencipta pengalaman menarik buat peserta, PJ Joran 2025 turut menyumbang kepada kempen Tahun Melawat Selangor 2025, yang bertujuan meningkatkan profil pelancongan dan merancakkan ekonomi negeri khususnya di Petaling Jaya. Dengan penyertaan yang memberangsangkan dari pelbagai negeri, acara ini terus membuktikan potensinya sebagai kejohanan tahunan berprestij yang bukan sahaja mempromosikan gaya hidup sihat malah menyokong pertumbuhan sektor pelancongan tempatan.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya merakamkan ucapan tahniah kepada semua pemenang serta penghargaan kepada peserta dan pihak yang terlibat dalam menjayakan PJ Joran 2025. Diharapkan kejayaan ini menjadi pemangkin kepada penganjuran acara yang lebih besar dan meriah pada masa akan datang.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel:

media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 013-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (20)

Tarikh: 27 Februari 2025

MBPJ MENEMPATKAN 2 AED BANTUAN KECEMASAN AWAL KES SERANGAN JANTUNG DI LOKASI AWAM

YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Alat Defibrilator Luaran Automatik (AED) kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang berlangsung di Dewan Bandar Utama (BU) 11, Damansara hari ini. Majlis ini merupakan hasil kerjasama antara MBPJ, Rotary Club Bandar Utama dan Yayasan Kelab-Kelab Rotary Malaysia dalam usaha menempatkan dua (2) lagi unit AED di Dewan BU 11 dan Dewan BU 3.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, Rotary Club Bandar Utama juga akan memberikan latihan komprehensif kepada Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga Bandar Utama. Latihan ini bertujuan membekalkan mereka dengan kemahiran asas pertolongan cemas serta melatih mereka sebagai penindak pertama (first responders) yang cekap dalam memberikan bantuan awal menggunakan peranti AED sebelum ketibaan pasukan perubatan. Dengan latihan ini, mereka akan lebih bersedia dalam menangani situasi kecemasan dan berpotensi menyelamatkan lebih banyak nyawa.

Projek pemasangan peranti AED merupakan langkah proaktif MBPJ dalam memastikan bantuan kecemasan awal dapat diberikan kepada individu yang memerlukan. Langkah ini juga memastikan bantuan perubatan tidak hanya tersedia di hospital dan klinik tetapi turut disediakan di lokasi-lokasi awam yang sering dikunjungi masyarakat.

Kewujudan AED di kawasan strategik merupakan satu langkah penting dalam meningkatkan tahap keselamatan, khususnya di lokasi yang mempunyai jumlah pengunjung tinggi atau kelompok berisiko seperti di Bandar Utama. Inisiatif ini juga mencerminkan komitmen MBPJ dalam menjaga kesejahteraan dan keselamatan komuniti Petaling Jaya selaras dengan tematik 'Safe & Resilient City' serta usaha-usaha lain yang bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kesihatan dan pertolongan cemas.

Datuk Bandar Petaling Jaya berkata, "Setakat ini, sebanyak lapan (8) unit AED telah ditempatkan di sekitar Petaling Jaya sejak tahun 2018 iaitu di Ibu Pejabat MBPJ, Menara MBPJ (lobi dan tingkat 9), Dewan Sivik MBPJ, Pusat Inovasi MBPJ, Muzium MBPJ, Perpustakaan Komuniti MBPJ dan Pejabat Cawangan MBPJ."



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Beliau turut menyeru semua pihak agar terus meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesihatan serta memperluaskan pengetahuan mengenai teknik pertolongan cemas termasuk penggunaan AED kepada lebih ramai individu dalam komuniti Petaling Jaya. Dengan adanya kesedaran ini, kita bukan sahaja dapat menyelamatkan nyawa tetapi juga memperkukuh semangat keprihatinan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan masyarakat.

Semoga inisiatif ini memberikan impak positif dalam mengurangkan risiko kematian akibat serangan jantung mengejut dalam kalangan warga Petaling Jaya. MBPJ akan terus berusaha untuk memastikan kesihatan dan keselamatan komuniti sentiasa terpelihara.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

**Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582697



مجلس بنداراي قتالغ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (21)

Tarikh: 28 Februari 2025

MBPJ RAIKAN KECEMERLANGAN, PERKUKUH MUTU PERKHIDMATAN AWAM.

Seramai 184 warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) termasuk pesara telah diraikan dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024 & Majlis Sanjungan Budi Pesara 2025 yang disempurnakan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya bertempat di Dewan Banquet MBPJ pada hari ini.

Majlis tahunan ini diadakan sebagai manifestasi penghargaan dan pengiktirafan MBPJ terhadap dedikasi serta kecemerlangan warga kerjanya sepanjang tahun 2024. Berikut adalah senarai kategori penerima anugerah:

1. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Pegawai dan Kakitangan Majlis – 147 orang
2. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kakitangan 'Contract for Service' – 4 orang
3. Penerima Anugerah Khas Datuk Bandar – 5 orang
4. Pesara Tahun 2025 – 26 orang
5. Sanjungan Budi Kakitangan Meninggal Dunia – 2 orang

Anugerah Khas Datuk Bandar terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu Inovasi Perkhidmatan (Teknikal dan Pengurusan) dan Kepimpinan Inovatif. Anugerah Khas Datuk Bandar bagi kategori Inovasi Perkhidmatan adalah penghargaan dan penghormatan kepada kakitangan yang telah memberikan sumbangan tenaga dan mencurahkan idea-idea dalam menghasilkan dan mencipta sesuatu justeru dapat memberikan impak yang positif kepada organisasi dan luar organisasi.

Manakala Anugerah Khas Datuk Bandar bagi kategori Kepimpinan Inovatif adalah sebagai 'role model' dalam melaksanakan tugas yang membawa kepada kecemerlangan dalam bidang pengurusan organisasi.



Selain itu, majlis ini turut meraikan 26 orang pegawai dan kakitangan yang bakal bersara pada tahun 2025. Sebagai tanda penghargaan, mereka akan menerima hadiah umrah bagi kakitangan beragama Islam, manakala lawatan ke tempat keagamaan bagi kakitangan bukan Islam.

Dalam ucapannya, Datuk Bandar Petaling Jaya menyeru agar warga kerja MBPJ terus memacu kecemerlangan, mempertingkatkan kemahiran pelbagai bidang serta memperkukuhkan daya inovasi dalam perkhidmatan.

"Kita sedang menghadapi perubahan dinamik dalam persekitaran global. Justeru, untuk MBPJ kekal sebagai bandar raya yang *resilient*, kita memerlukan warga kerja yang berpengetahuan, menguasai kemahiran ICT, memiliki tadbir urus yang cekap serta berdaya saing dalam menghadapi perubahan," katanya.

Majlis ini juga menjadi platform untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua penerima anugerah serta mengucapkan selamat bersara kepada pesara MBPJ.

MBPJ berharap pengiktirafan ini menjadi penyuntik semangat agar warga kerja terus menabur bakti dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada Petaling Jaya serta Negeri Selangor secara amnya.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695